

**BUKU PANDUAN PENGAJIAN
PROGRAM SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA
BIDANG OPERASI PERIKANAN TANGKAPAN
(A031-002-3:2022)**



AKADEMI PERIKANAN MALAYSIA

Taman Perikanan Chendering
21080 Kuala Terengganu
Terengganu
Tel: 09-617 2361
Emel: apm@dof.gov.my

**SESI AKADEMIK
2026/2028**

**BUKU PANDUAN
PROGRAM SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA
OPERASI PERIKANAN TANGKAPAN (A031-002-3:2022)
SESI AKADEMIK 2026/2028**

Diterbitkan oleh:

**Kluster Latihan Kemahiran dan Sijil Perikanan
Akademi Perikanan Malaysia
Taman Perikanan Chendering
21080 Kuala Terengganu,
Terengganu.**

**Telefon : 09-6172361
Faks : 09-6172141
Laman Web : <http://apm.dof.gov.my>
E-mail : apm@dof.gov.my**

Hakcipta terpelihara, sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam apa cara yang boleh dipergunakan lagi ataupun dipindahkan dalam sebarang cara, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakan dan sebagainya, tanpa izin terlebih dahulu daripada Kluster Latihan Kemahiran dan Sijil Perikanan Akademi Perikanan Malaysia

~Penerangan di dalam buku ini adalah benar pada masa ianya dicetak~

Buku Panduan Program Sijil Kemahiran Malaysia ini terpakai sepanjang tempoh pengajian di Akademi Perikanan Malaysia

VISI, MISI DAN OBJEKTIF AKADEMI PERIKANAN MALAYSIA

VISI

Peneraju Kecemerlangan Pembangunan Modal Insan Perikanan

MISI

- Membangunkan modal insan Jabatan Perikanan yang berkemahiran, berpengetahuan dan profesional melalui pelan operasi latihan komprehensif
- Melahirkan modal insan bidang perikanan yang kompeten melalui pendidikan dan latihan yang berkualiti

OBJEKTIF

- Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran warga Jabatan Perikanan melalui latihan yang berterusan
- Menyediakan program latihan yang komprehensif dan bersepadu dalam semua aspek perikanan sejajar dengan perkembangan semasa
- Menyediakan tenaga kerja yang terlatih dan mahir dalam pelbagai bidang perikanan
- Menyediakan latihan kompetensi kepada semua warga Jabatan Perikanan bagi keperluan perkhidmatan

KATA ALUAN PENGARAH



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu, saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan mengalu-alukan kehadiran para pelatih baharu ke program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) di Akademi Perikanan Malaysia (APM). Terima kasih atas kepercayaan anda memilih institusi ini sebagai destinasi untuk menimba ilmu dan mengasah kemahiran. Semoga langkah awal ini menjadi pemangkin kecemerlangan masa hadapan anda.

Alhamdulillah, dengan izin-Nya, Kluster Latihan Kemahiran dan Sijil Perikanan telah berjaya menerbitkan Buku Panduan Pengajian Sesi Kemasukan 2026/2028. Naskhah ini direka khusus sebagai rujukan komprehensif yang memuatkan maklumat program pengajian serta pengenalan institusi, bagi melancarkan urusan para pelatih sepanjang tempoh pengajian di sini.

Sekalung penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang telah menyumbang tenaga serta komitmen dalam menjayakan penerbitan buku panduan ini. Akhir kalam, saya menyeru agar para pelatih memanfaatkan peluang keemasan ini dengan mempamerkan iltizam yang tinggi demi mencapai cita-cita.

Sekian, terima kasih. Selamat Maju Jaya.

Pengarah
Akademi Perikanan Malaysia

**MAKLUMAT LANJUT MENGENAI PROGRAM SKM
OPERASI PERIKANAN TANGKAPAN
SILA HUBUNGI:**



Puan Mariam Binti Marip

**Penyelaras Program SKM:
Operasi Perikanan Tangkapan
Kluster Latihan Kemahiran dan Sijil Perikanan**

**Akademi Perikanan Malaysia
Taman Perikanan Chendering
21080 Kuala Terengganu
Terengganu Darul Iman
Tel: 609-6172361
Email: mariam_marip@dof.gov.my**

KANDUNGAN

		Muka Surat
1.0	MAKLUMAT UMUM	
	1.1 Latar belakang Akademi Perikanan Malaysia	1-2
	1.2 Fungsi Kluster Latihan Kemahiran dan Sijil Perikanan	3
	1.3 Pengurusan Program SKM Operasi Perikanan Tangkapan	4
	1.4 Personel Pentauliahan	5
	1.5 Kalendar Akademik sesi 2026/2028	6
2.0	SISTEM AKADEMIK	
	2.1 Program Persijilan Mengikut Tahap (MT)	
	2.2 Jam Kredit	
	2.3 Keperluan Jam Kredit untuk bergraduasi	7-8
	2.4 Kurikulum Pengajian	
	2.5 Pemilihan Taraf Kursus	
	2.6 Lain-lain	
3.0	PENAWARAN PROGRAM SKM: OPERASI PERIKANAN TANGKAPAN	
	3.1 Syarat Kemasukan	9-10
	3.2 Matlamat dan Hasil Pembelajaran Program	11-16
	3.3 Senarai Kursus	17-22
	3.4 Hasil Pembelajaran Kursus	23
	3.5 Penilaian dan Pensijilan	
4.0	DIREKTORI EMAIL	24
	4.1 Pentadbiran/ Pengurusan	
	4.2 Personel Pentauliahan	
	4.3 Hal Ehwal Pelajar	
5.0	GARIS PANDUAN SAHSIAH RUPA DIRI	25

1.0 MAKLUMAT UMUM

1.1 LATAR BELAKANG AKADEMI PERIKANAN MALAYSIA

Usaha Kerajaan di dalam memberikan latihan kepada para nelayan di negara ini, telah bermula dengan penubuhan sebuah Sekolah Perikanan Laut di Gelugur, Pulau Pinang pada tahun 1952. Ini telah seterusnya diikuti pula dengan penubuhan sebuah lagi Sekolah Perikanan Laut, di Seberang Takir, Kuala Terengganu pada tahun 1963 khusus bagi menampung keperluan latihan para nelayan daripada negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung. Menyedari keperluan semasa serta memandangkan kepada kemajuan pesat di dalam Industri Perikanan, sebagai satu usaha positif ke arah memajukan lagi industri perikanan negara maka sebuah institut yang dikenali sebagai Institut Latihan Perikanan Malaysia (ILPM) telah seterusnya ditubuhkan dengan bantuan dan kerjasama Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu melalui Badan Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO).

Mula dilaksanakan pada 5 November 1969 dan terletak di Batu Maung, Pulau Pinang, ianya beroperasi sepenuhnya pada awal tahun 1972. Pada bulan Jun 1992, ILPM telah berpindah pula ke kompleks barunya di Chendering, Kuala Terengganu dari Pulau Pinang. Kompleks baru yang mempunyai kelengkapan dan kemudahan latihan lebih moden ini telah dibina dengan belanja kira-kira RM18 juta dengan bantuan Kerajaan Jepun di bawah Program JICA.

Kompleks baru ini bukan sahaja menawarkan pelbagai kursus dan latihan kepada nelayan, penternak dan pengusaha-pengusaha industri perikanan tetapi juga memainkan peranan di dalam memberikan latihan kepada kakitangan Jabatan Perikanan Malaysia. Pada awal tahun 1999, ILPM telah ditukar nama kepada Institut Perikanan Malaysia bagi mencerminkan peranannya yang aktif di dalam membangunkan serta memajukan lagi pembangunan industri perikanan negara. Institut Perikanan Malaysia telah dijenamakan semula sebagai Akademi Perikanan Malaysia pada April 2014.

Kini, selaras dengan status sebagai Pusat Bertauliah Bahagian Pembangunan Kapasiti dan Latihan Pertanian (BPKLP) yang menawarkan persijilan dalam bidang kemahiran Teknologi Perikanan Tangkapan, APM memberi tumpuan kepada aspek kemahiran teknikal dan pembangunan insan berteraskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SPKP) atau National Occupational Skills Standard (NOSS) dalam meningkatkan kualiti sektor perikanan terutamanya bagi memenuhi keperluan golongan sasar. Program ini akan menggalakkan generasi muda melibatkan diri dalam bidang pertanian sebagai pekerja mahir dan pengusaha pertanian yang bertaraf komersial dan berskala besar melalui penggunaan teknologi terkini yang bersesuaian bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti.

1.2 FUNGSI KLUSTER LATIHAN KEMAHIRAN DAN SIJIL PERIKANAN

1. Merancang dan menyelia program Sijil Perikanan dan Sijil Kemahiran Malaysia.
2. Menyelarass pembangunan kurikulum dan pembelajaran.
3. Memohon, mengurus dan menyelia peruntukan.
4. Menguruskan pensijilan dan pengiktirafan program serta pengajar.
5. Mengurus program keusahawanan dan inovasi pelajar.
6. Mengurus rekod pelajar dan pengajar.
7. Merangka, merancang dan menetapkan peraturan dan disiplin pelajar APM.
8. Menguruskan kursus nilai tambah untuk pelajar.
9. Menyelia dan menyelarass program latihan industri.
10. Menyelarass alumni dan *tracer study* lepasan graduan.

1.3 PENGURUSAN PROGRAM SKM BIDANG OPERASI PERIKANAN TANGKAPAN



PENGURUS PUSAT BERTAULIAH (PPB)
Pn. Hjh. Anis Mazidah binti Abd Samad
Pegawai Perikanan G13



**PENYELARAS PROGRAM SKM: OPERASI PERIKANAN
TANGKAPAN**
Pn. Mariam Binti Marip
Pegawai Perikanan G10



KETUA KLUSTER HAL EHWAL PELAJAR
En. Rizman Zulkarnaen bin Suardi
Pegawai Perikanan G9



KETUA UNIT SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA
En. Muhammad Hazizi bin Ismail
Penolong Pegawai Perikanan G6

1.4 PERSONEL PENTAULIAHAN



PEGAWAI PENGESAH DALAMAN (PPD)
Pn. Wan Nurul Shuhada binti Wan Ibrahim
Penolong Pegawai Perikanan G7



PEGAWAI PENILAI (PP)
En. Syed Aziz bin Syed Akhir
Penolong Pegawai Perikanan G7



PEGAWAI PENILAI (PP)
En. Zahari bin Said
Pembantu Perikanan G3



PEGAWAI PENILAI (PP)
En. Ariffin bin Salim
Pembantu Perikanan G3

1.5 KALENDAR AKADEMIK SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA SESI 2026/2028 (JULAI 2026)

Semester 1 (Julai 2026 – Jan 2027)			
Aktiviti	Tarikh	Bil Minggu	Catatan
Pendaftaran Pelatih Baharu / Orentasi	26 Julai – 30 Julai 2026	1	25/08: Maulidul Rasul 31/08: Hari Kebangsaan 16/09: Hari Malaysia 08/11: Deepavali 25/12: Hari Krismas 06/01: Israk Mikraj
Pendaftarab Pelatih Lama/ Kuliah	02 Ogos – 20 Ogos 2026	3	
Kuliah	23 Ogos – 17 Sept 2026	4	
Cuti Pertengahan Semester	20 Sept – 24 Sept 2026	1	
Kuliah	27 Sept – 17 Dis 2026	12	
Minggu Ulangkaji Peperiksaan	20 Dis – 24 Dis 2026	1	
Peperiksaan/ Verifikasi	27 Dis 2026 – 07 Jan 2027	2	
Cuti Antara Semester	10 Jan -21 Jan 2027	2	
Semester 2 (Jan 2027 – Julai 2027)			
Pendaftaran Pelatih Lama & Kuliah	24 Jan – 28 Jan 2027	1	06-07/02: Tahun Baru Cina 24/02: Hari Nuzul Quran 04/03: Pertabalan Sultan Terengganu 10-11/03: Hari Raya Aidilfitri 26/4: Hari Keputeraan Sultan Trg 01/05: Hari Pekerja 16/05: Hari Arafah 17-18/05: Hari Raya Aidiladha 20/5: Hari Wesak 06/06: Awal Muharram 07/06: Keputeraan Rasmi YDP Agong
Kuliah	31 Jan – 11 Mac 2027	6	
Cuti Pertengahan Semester	14 Mac – 18 Mac 2027	1	
Kuliah	21 Mac – 10 Jun 2027	12	
Minggu Ulangkaji Peperiksaan	13 Jun – 17 Jun 2027	1	
Peperiksaan/ Verifikasi	20 Jun - 01 Julai 2027	2	
Cuti Antara Semester	4 Julai – 15 Julai 2027	2	
Semester 3 (Julai 2027 – Jan 2028)			
Pendaftaran Pelatih Lama & Kuliah	18 Julai – 26 Ogos 2027	6	15/08: Maulidul Rasul 31/08: Hari Kebangsaan 16/09: Hari Malaysia 28/10: Deepavali 25/12: Hari Krismas 26/12: Israk dan Mikraj
Kuliah	29 Ogos – 07 Okt 2027	6	
Cuti Pertengahan Semester	10 Okt – 14 Okt 2027	1	
Kuliah	17 Okt – 02 Dis 2027	7	
Minggu Ulangkaji Peperiksaan	05 Dis – 09 Dis 2027	1	
Peperiksaan/ Verifikasi	12 Dis – 23 Dis 2027	2	
Cuti Antara Semester	26 Dis 2027 – 06 Jan 2028	2	
Semester 4 (Jan 2028 – Jun 2028)			
Pendaftaran Pelatih Lama/ Latihan Industri	09 Jan – 20 Jan 2028	2	6-7/2: Tahun Baru Cina 8/2: Cuti Tahun Bari Cina 24/2: Nuzul Quran 4/3: Pertabalan Sultan Terengganu 10-11/3: Hari Raya Aidilfitri 26/4: Hari Keputeraan Sultan Terengganu 1/5: Hari Pekerja 2/5: Cuti Hari Pekerja
Latihan Industri/ Kuliah	23 Jan – 30 Mac 2028	10	
Cuti Pertengahan Semester	02 April – 06 April 2028	1	
Latihan Industri/ Kuliah	09 April – 1 Jun 2028	8	
Minggu Ulangkaji Peperiksaan	04 Jun – 08 Jun 2028	1	
Peperiksaan Akhir / Verifikasi	11 Jun – 22 Jun 2028	2	

Nota: Maklumat di atas tertakluk kepada pindaan daripada semasa ke semasa

2.0 SISTEM AKADEMIK

2.1 Program Pensijilan Mengikut Tahap

Pengajian bagi sesi 2026/2028 di Akademi Perikanan Malaysia bagi program Program SKM bidang Operasi Perikanan Tangkapan bermula pada **26 Julai 20256 dan tamat 22 Jun 2028**.

Program ini menggunakan sistem pensijilan mengikut tahap (MT) iaitu kaedah persijilan yang dilaksanakan pada satu tahap dan bidang merujuk kepada daftar NOSS terkini. Tempoh pengajian ini adalah selama 2 tahun atau 80 minggu, terdiri daripada 60 jam kredit keseluruhan.

2.2 Jam Kredit

“kredit” ertinya nilai beban bagi satu jam kredit yang bersamaan dengan jam belajar atau masa pembelajaran setara selama satu semester pengajian. Satu jam kuliah seminggu diberi nilai satu kredit. Jumlah kredit setiap semester ditetapkan tidak melebihi 20 jam kredit dan jumlah kredit bagi program ini adalah 60 jam kredit.

2.3 Keperluan Jam Kredit Untuk Bergraduati

Jumlah minimum jam kredit untuk bergraduati bagi Program Sijil Kemahiran Malaysia bidang Operasi Perikanan Tangkapan adalah sebanyak 60 jam kredit.

2.4 Kurikulum Pengajian

Kurikulum adalah sebagai nadi kepada program pembelajaran yang dibentuk dengan mengambil kira matlamat program iaitu melahirkan graduan dalam bidang perikanan tangkapan sebagai tenaga mahir dan pengusaha bertaraf komersial dan berskala besara melalui penggunaan teknologi terkini bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti sektor perikanan tangkapan negara.

Bagi pelajar yang gagal mana-mana peperiksaan dan tidak sempat mengulang peperiksaan tersebut dalam tempoh pengajiannya tetapi telah melengkapinya syarat jumlah kredit minimum untuk bergraduati ataupun sebaliknya, pelajar tersebut perlu mengulang semula peperiksaan tersebut dalam semester tambahan dengan hanya mengambil peperiksaan kursus tersebut sahaja. Bagi penilaian prestasi, bayaran tambahan akan dikenakan dan tempoh mengulang adalah dalam tempoh 1 tahun dari tarikh peperiksaan asal.

2.5 Pemilihan Taraf Kursus

Kursus yang diwajibkan oleh kurikulum terutama sekali kursus yang menjadi prasyarat kepada kursus berikutnya perlu diambil dengan segera. Kombinasi kursus yang dipilih hendaklah tidak membebankan dan jadual waktunya sesuai. Setiap program mempunyai tiga komponen kursus:

i. Kursus Teras

Setiap program mempunyai kursus teras program tersendiri. Kursus teras program adalah kursus-kursus yang ditawarkan berdasarkan keperluan program. Kursus-kursus ini menjurus kepada pembinaan kepakaran pelajar dalam bidang program pengajiannya. Pelajar wajib mengambil kursus ini dan mesti lulus dengan minimum gred C dan dikehendaki mengulang penilaian sekiranya gagal.

ii. Kursus Wajib

a) Kursus Penyedia TVET

Kursus Penyedia TVET merupakan kursus-kursus yang wajib diambil oleh semua pelajar Program SKM: Operasi Perikanan Tangkapan di APM dan ditawarkan bagi memperlengkapkan para pelajar dengan pelbagai ilmu serta ketangkasan asas di samping ilmu yang dikuasai dalam bidang pengkhususan masing masing. Pelajar wajib lulus dalam kursus-kursus ini dengan minimum gred C. Bagi yang gagal, mereka dikehendaki mengulang penilaian kursus tersebut.

b) Kursus Kebolehan Teras (Co-Abilities)

Kursus Co-abilities merupakan kursus-kursus nilai tambah yang wajib diambil oleh semua pelajar Program SKM: Operasi Perikanan Tangkapan di APM dan ditawarkan bagi memperlengkapkan para pelajar dengan pelbagai ilmu serta ketangkasan asas di samping ilmu yang dikuasai dalam bidang pengkhususan masing masing. Pelajar wajib lulus dalam kursus-kursus ini sebagai syarat menduduki peperiksaan akhir.

2.6 Lain-lain

Kemaskini maklumat

Pelatih bertanggungjawab mengemaskinikan maklumat peribadi dari masa ke masa dan memaklumkan kepada Kluster LKSP untuk tujuan rekod.

3.0 PENAWARAN PROGRAM SKM BIDANG OPERASI PERIKANAN TANGKAPAN

3.1 SYARAT KEMASUKAN

- Warganegara Malaysia
- Boleh membaca, mengira dan menulis
- Berumur 17-30 tahun pada tarikh permohonan
- Sihat tubuh badan dan boleh melakukan aktiviti amali di lapangan

3.2 MATLAMAT DAN HASIL PEMBELAJARAN

3.2.1 MATLAMAT PROGRAM

Melahirkan graduan dalam Bidang Operasi Perikanan Tangapan sebagai tenaga mahir dan pengusaha bertaraf komersial dan berskala besar melalui penggunaan teknologi terkini bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti sektor perikanan tangkapan negara.

3.2.2 HASIL PEMBELAJARAN PROGRAM (PLO)

- PLO1: Menjelaskan pengetahuan dan kefahaman tentang maklumat, fakta, prinsip, konsep dan teori secara sistematik dalam bidang perikanan tangkapan.
- PLO2: Mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran untuk menyelesaikan masalah yang boleh diramal dalam bidang berkaitan.
- PLO3: Melaksanakan kemahiran kerja dengan alatan/kaedah/prosedur yang sesuai di bawah seliaan dalam bidang perikanan tangkapan.
- PLO4: Berinteraksi secara berkesan sebagai individu atau sebagai ahli kumpulan bersama penyelia, rakan sejawatan
- PLO5: Berkebolehan menyampaikan maklumat serta idea secara berkesan melalui lisan dan bertulis dengan menggunakan bahasa dan kaedah yang sesuai.
- PLO6: Berkemampuan menggunakan pelbagai aplikasi digital bagi menyokong pembelajaran serta mencari dan memproses data berkaitan pembelajaran dalam bidang perikanan tangkapan.
- PLO7: Mempamerkan kemahiran mengguna dan menginterpretasikan data numerikal yang rutin dan kompleks serta data dalam bidang perikanan tangkapan.
- PLO8: Menunjukkan kualiti kepimpinan yang berkesan serta boleh berfungsi dengan efektif sebagai individu dan dalam kumpulan.
- PLO9: Menunjukkan kesungguhan dalam pembelajaran sendiri serta pembangunan intelektual dan diri dengan menunjukkan keyakinan, kawalan diri, kemahiran sosial serta beradab. (Kemahiran Personal)
- PLO10: Menggunakan pengetahuan dan kemahiran dalam aktiviti keusahawanan (Kemahiran Keusahawanan)
- PLO11: Mengamalkan sikap beretika, berintegriti dan profesional dalam bidang berkaitan. (Kemahiran Etika dan Profesionalisme)

3.3 SENARAI KURSUS

3.3.1 KURSUS TERAS

←UNIT KOMPETENSI→		←AKTIVITI KERJA→			
TERAS	LAKSANA PERSEDIAAN OPERASI PERIKANAN TANGKAPAN	KENDALIKAN SIMPULAN DAN SAMBATAN TALI	SEDIAKAN KEPERLUAN PEMATUHAN KESELAMATAN OPERASI LAUT	SEDIAKAN KEPERLUAN OPERASI TANGKAPAN PERIKANAN	KENDALIKAN HASIL PERIKANAN TANGKAPAN
	A031-002-3:2022-C01	A031-002-3:2022-C01-W01	A031-002-3:2022-C01-W02	A031-002-3:2022-C01-W03	A031-002-3:2022-C01-W04
		LAKUKAN PENGESANAN IKAN			
		A031-002-3:2022-C01-W05			

←UNIT KOMPETENSI→		←AKTIVITI KERJA→			
TERAS	LAKSANA OPERASI PERIKANAN TANGKAPAN PUKAT HANYUT	LAKUKAN PEMBUATAN PUKAT HANYUT	SUSUN PUKAT HANYUT DI VESEL	LAKUKAN OPERASI TANGKAPAN PUKAT HANYUT	LAKUKAN PENYELENGGARAAN PUKAT HANYUT
	A031-002-3:2022-C02	A031-002-3:2022-C02-W01	A031-002-3:2022-C02-W02	A031-002-3:2022-C02-W03	A031-002-3:2022-C02-W04
	LAKSANA OPERASI PERIKANAN TANGKAPAN BUBU	LAKUKAN PEMBUATAN BUBU	SUSUN BUBU DI VESEL	LAKUKAN OPERASI TANGKAPAN BUBU	LAKUKAN PENYELENGGARAAN BUBU
	A031-002-3:2022-C03	A031-002-3:2022-C03-W01	A031-002-3:2022-C03-W02	A031-002-3:2022-C03-W03	A031-002-3:2022-C03-W04
	LAKSANA OPERASI PERIKANAN TANGKAPAN RAWAI	LAKUKAN PEMBUATAN RAWAI	SUSUN RAWAI DI VESEL	LAKUKAN OPERASI TANGKAPAN RAWAI	LAKUKAN PENYELENGGARAAN RAWAI
	A031-002-3:2022-C04	A031-002-3:2022-C04-W01	A031-002-3:2022-C04-W02	A031-002-3:2022-C04-W03	A031-002-3:2022-C04-W04

←UNIT KOMPETENSI→		←AKTIVITI KERJA→			
TERAS	LAKSANA OPERASI PERIKANAN TANGKAPAN PUKAT TUNDA	LAKUKAN PEMBUATAN PUKAT TUNDA	SUSUN PUKAT TUNDA DI VESEL	LAKUKAN OPERASI TANGKAPAN PUKAT TUNDA	LAKUKAN PENYELENGGARAA N PUKAT TUNDA
	A031-002-3:2022-C05	A031-002-3:2022-C05-W01	A031-002-3:2022-C05-W02	A031-002-3:2022-C05-W03	A031-002-3:2022-C05-W04
	LAKSANA OPERASI PERIKANAN TANGKAPAN PUKAT JERUT	LAKUKAN PEMBUATAN PUKAT JERUT	SUSUN PUKAT JERUT DI VESEL	LAKUKAN OPERASI TANGKAPAN PUKAT JERUT	LAKUKAN PENYELENGGARAA N PUKAT JERUT
	A031-002-3:2022-C06	A031-002-3:2022-C06-W01	A031-002-3:2022-C06-W02	A031-002-3:2022-C06-W03	A031-002-3:2022-C06-W04
	LAKSANA PENYELENGGARAA N PERALATAN VESEL PERIKANAN TANGKAPAN	ATURKAN KEPERLUAN SERVIS PENYELENGGARAA N DAN PEMBAIKAN VESEL PERIKANAN TANGKAPAN	SELENGGAR A PERALATAN ELEKTRONIK PERIKANAN TANGKAPAN	SELENGGAR A PERALATAN DEK VESEL PERIKANAN TANGKAPAN	SELENGGARA ENJIN UTAMA, GENERATOR DAN ENJIN SANGKUT VESEL PERIKANAN TANGKAPAN
	A031-002-3:2022-C07	A031-002-3:2022-C07-W01	A031-002-3:2022-C07-W02	A031-002-3:2022-C07-W03	A031-002-3:2022-C07-W04

←COMPETENCY UNIT→		←WORK ACTIVITIES→				
TERAS		SELENGGARA VESEL PERIKANAN TANGKAPAN A031-002-3:2022-C07-W05				
	LAKSANA PENGENDALIAN PELAYARAN VESEL A031-002-3:2022-C08	ATURKAN KEPERLUAN PENGENDALIAN PELAYARAN VESEL A031-002-3:2022-C08-W01	KENDALI PELAYARAN VESEL A031-002-3:2022-C08-W02	KEMUDI VESEL KELUAR DAN MASUK PANGKALAN A031-002-3:2022-C08-W03	KENDALI VESEL BERLABUH A031-002-3:2022-C08-W04	
		KENDALI SAUH VESEL A031-002-3:2022-C08-W05	SEDIAKAN JADUAL PENGAWASAN BERLABUH A031-002-3:2022-C08-W06			

←COMPETENCY UNIT→		←WORK ACTIVITIES→		
TERAS	LAKSANA PENYELIAAN OPERASI PERIKANAN TANGKAPAN	SEDIAKAN JADUAL KERJA OPERASI PERIKANAN TANGKAPAN	LAKUKAN PENILAIAN PRESTASI PEKERJA PERIKANAN TANGKAPAN	SELIA KESELAMATAN DAN KESIHATAN KERJA OPERASI PERIKANAN TANGKAPAN
	A031-002-3:2022-C09	A031-002-3:2022-C09-W01	A031-002-3:2022-C09 -W02	A031-002-3:2022-C09 -W03

Bil	NAMA KOMPETENSI UNIT (CU)	JAM KREDIT
1.	C01 – Laksana Persediaan Operasi Perikanan Tangkapan	2
2.	C02 – Laksana Operasi Perikanan Tangkapan Pukat Hanyut	4
3.	C03 – Laksana Operasi Perikanan Tangkapan Bubu	1
4.	C04 – Laksana Operasi Perikanan Tangkapan Rawai	4
5.	C05 – Laksana Operasi Perikanan Tangkapan Pukat Tunda	8
6.	C06 – Laksana Operasi Perikanan Tangkapan Pukat Jerut	12
7.	C07 – Laksana Penyelenggaraan Peralatan Vesel Perikanan Tangkapan	7
8.	C08 – Laksana Pengendalian Pelayaran Vesel	7
9.	C09 – Laksana Penyeliaan Operasi Perikanan Tangkapan	1
JUMLAH		46

3.3.2 KURSUS WAJIB

3.3.2.1 KURSUS PENYEDIA TVET

Bil	NAMA KURSUS	JAM KREDIT
1.	Keusahawanan Pertanian	2
2.	Sains untuk Pertanian	1
3.	Komputer untuk Pertanian	1
JUMLAH		4

3.3.2.2 KURSUS KEBOLEHAN TERAS (CO-ABILITIES)

Bil	NAMA KURSUS	JAM KREDIT
1.	Co-Abilities: Tahap 1	1
2.	Co-Abilities: Tahap 2	1
3.	Co-Abilities: Tahap 3	2
JUMLAH		4

3.3.2.3 LATIHAN INDUSTRI

Bil	NAMA KURSUS	JAM KREDIT
1.	Latihan Industri	6
JUMLAH		6

3.4 HASIL PEMBELAJARAN KURSUS PROGRAM SKM: OPERASI PERIKANAN TANGKAPAN

TERAS

CU01: LAKSANA PERSEDIAAN OPERASI PERIKANAN TANGKAPAN

Hasil Pembelajaran (CuLO)

Hasil pembelajaran unit kompetensi ini adalah persediaan untuk menjalankan operasi perikanan tangkapan agar operasi berjalan dengan teratur tanpa sekatan. Akhir pembelajaran unit kompetensi ini, pelatih hendaklah terampil melakukan:

1. Kendalikan simpulan dan sambatan tali.
2. Sediakan keperluan pematuhan keselamatan operasi laut.
3. Sediakan keperluan operasi tangkapan perikanan.
4. Kendalikan hasil perikanan tangkapan.
5. Lakukan pengesanan ikan

CU02: LAKSANA OPERASI PERIKANAN TANGKAPAN PUKAT HANYUT

Hasil Pembelajaran (CuLO)

Hasil pembelajaran unit kompetensi ini adalah aktiviti perikanan tangkapan pukat hanyut dari mula pembuatan sehinggalah ke operasi penangkapan termasuk kaedah penyelenggaraannya. Akhir pembelajaran unit kompetensi ini, pelatih hendaklah terampil melakukan:

1. Lakukan pembuatan pukat hanyut.
2. Susun pukat hanyut di vesel.
3. Lakukan operasi tangkapan pukat hanyut.
4. Lakukan penyelenggaraan pukat hanyut.

CU03: LAKSANA OPERASI PERIKANAN TANGKAPAN BUBU

Hasil Pembelajaran (CuLO)

Hasil pembelajaran unit kompetensi ini adalah aktiviti perikanan tangkapan bubu dari mula pembuatan sehinggalah ke operasi penangkapan termasuk kaedah penyelenggaraannya. Akhir pembelajaran unit kompetensi ini, pelatih hendaklah terampil melakukan:

1. Lakukan pembuatan bubu.
2. Susun bubu di vesel.
3. Lakukan operasi tangkapan bubu.
4. Lakukan penyelenggaraan bubu.

CU04: LAKSANA OPERASI PERIKANAN TANGKAPAN RAWAI

Hasil Pembelajaran (CuLO)

Hasil pembelajaran unit kompetensi ini adalah aktiviti perikanan tangkapan rawai dari mula pembuatan sehinggalah ke operasi penangkapan termasuk kaedah penyelenggaraannya. Akhir pembelajaran unit kompetensi ini, pelatih hendaklah terampil melakukan:

1. Lakukan pembuatan rawai.
2. Susun rawai di vesel.
3. Lakukan operasi tangkapan rawai.
4. Lakukan penyelenggaraan rawai.

CU05: LAKSANA OPERASI PERIKANAN TANGKAPAN PUKAT TUNDA

Hasil Pembelajaran (CuLO)

Hasil pembelajaran unit kompetensi ini adalah aktiviti perikanan tangkapan pukot tunda dari mula pembuatan sehinggalah ke operasi penangkapan termasuk kaedah penyelenggaraannya. Akhir pembelajaran unit kompetensi ini, pelatih hendaklah terampil melakukan:

1. Lakukan pembuatan pukot tunda.
2. Susun pukot tunda di vesel.
3. Lakukan operasi tangkapan pukot tunda.
4. Lakukan penyelenggaraan pukot tunda.

CU06: LAKSANA OPERASI PERIKANAN TANGKAPAN PUKAT JERUT

Hasil Pembelajaran (CuLO)

Hasil pembelajaran unit kompetensi ini adalah aktiviti perikanan tangkapan pukot jerut dari mula pembuatan sehinggalah ke operasi penangkapan termasuk kaedah penyelenggaraannya. Akhir pembelajaran unit kompetensi ini, pelatih hendaklah terampil melakukan:

1. Lakukan pembuatan pukot jerut.
2. Susun pukot jerut di vesel.
3. Lakukan operasi tangkapan pukot jerut.
4. Lakukan penyelenggaraan pukot jerut.

CU07: LAKSANA PENYELENGGARAAN PERALATAN VESEL PERIKANAN TANGKAPAN

Hasil Pembelajaran (CuLO)

Hasil pembelajaran unit kompetensi ini adalah vesel yang akan dikemudikan boleh berfungsi dengan lancar dan selamat semasa operasi pengangkutan perikanan. Akhir pembelajaran unit kompetensi ini, pelatih hendaklah terampil melakukan:

1. Aturkan keperluan servis penyelenggaraan dan pembaikan vesel perikanan tangkapan.
2. Selenggara peralatan elektronik perikanan tangkapan.
3. Selenggara peralatan dek vesel perikanan tangkapan.
4. Selenggara enjin utama, generator dan enjin sangkut vesel perikanan tangkapan.
5. Selenggara vesel perikanan tangkapan.

CU08: LAKSANA PENGENDALIAN PELAYARAN VESEL

Hasil Pembelajaran (CuLO)

Hasil pembelajaran unit kompetensi ini adalah pelatih yang berupaya untuk mengendalikan vesel ketika masa operasi dalam keadaan yang betul dan selamat. Akhir pembelajaran unit kompetensi ini, pelatih hendaklah terampil melakukan:

1. Aturkan keperluan pengendalian pelayaran vesel.
2. Kendali pelayaran vesel.
3. Kemudi vesel keluar dan masuk pangkalan.
4. Kendali vesel berlabuh.
5. Kendali sauh vesel.
6. Sediakan jadual pengawasan berlabuh.

CU09: LAKSANA PENYELIAAN OPERASI PERIKANAN TANGKAPAN

Hasil Pembelajaran (CuLO)

Hasil pembelajaran unit kompetensi ini adalah agar pengendalian, penilaian dan segala aspek keselamatan kru dapat dilaksanakan mengikut perancangan di dalam suasana yang harmoni. Akhir pembelajaran unit kompetensi ini, pelatih hendaklah terampil melakukan:

1. Sediakan jadual kerja operasi perikanan tangkapan.
2. Lakukan penilaian prestasi pekerja perikanan tangkapan.
3. Selia keselamatan dan kesihatan kerja operasi perikanan tangkapan.

PENYEDIA TVET

NAMA KURSUS : KEUSAHAWANAN PERTANIAN
JAM KREDIT : 2

Hasil Pembelajaran (CLO)

Di akhir kursus ini, pelatih-pelatih mesti boleh:

1. Mempunyai minda keusahawanan.
2. Mengaplikasi amalan dan konsep keusahawanan.
3. Menghasilkan rancangan perniagaan berasaskan produk asas tani yang boleh diaplikasi.
4. Menjadikan pertanian adalah satu perniagaan.
5. Menjadikan usahawan tani sebagai kerjaya.

NAMA KURSUS : SAINS UNTUK PERTANIAN
JAM KREDIT : 1

Hasil Pembelajaran (CLO)

Di akhir kursus ini, pelatih-pelatih mesti boleh:

1. Memahami prinsip asas sains pertanian
2. Mengenal pasti konsep asas sains tumbuhan, haiwan dan tanah dalam pertanian
3. Mendapat pendedahan fungsi dan operasi mekanisasi, sistem automasi dan teknologi di dalam aktiviti pertanian.

NAMA KURSUS : SAINS KOMPUTER UNTUK PERTANIAN
JAM KREDIT : 1

Hasil Pembelajaran (CLO)

Di akhir kursus ini, pelatih-pelatih mesti boleh:

1. Mengenal pasti komponen komputer dan menerangkan fungsi-fungsinya dengan betul.
2. Kenal pasti jenis-jenis sistem operasi (operating system) dan perisian aplikasi mengikut keperluan industri.
3. Menjelaskan jenis-jenis perkembangan teknologi komputer yang digunakan dalam bidang pertanian.
4. Menghasilkan dokumentasi berasaskan aplikasi komputer yang betul.
5. Mengendali penggunaan aplikasi berasaskan web/internet yang sesuai untuk berkomunikasi.

NAMA KURSUS : KEBOLEHAN TERAS (CO-ABILITIES) TAHAP 1
JAM KREDIT : 1

Hasil Pembelajaran (CLO)

Di akhir kursus ini, pelatih-pelatih mesti boleh:

1. Memahami hal-hal berkaitan asas komunikasi pekerjaan.
2. Memahami kemahiran tingkah laku personal.
3. Memberi kesedaran berkaitan etika di tempat kerja.
4. Memberi kesedaran kepentingan penjagaan kesihatan, keselamatan dan alam sekitar.

NAMA KURSUS : KEBOLEHAN TERAS (CO-ABILITIES) TAHAP 2
JAM KREDIT : 1

Hasil Pembelajaran (CLO)

Di akhir kursus ini, pelatih-pelatih mesti boleh:

1. Mengaplikasi komunikasi dalam pekerjaan.
2. Memahami kemahiran tingkah laku interpersonal.
3. Memahami tingkah laku budaya di tempat kerja.
4. Mengadaptasi penjagaan kesihatan, keselamatan dan alam sekitar.

NAMA KURSUS : KEBOLEHAN TERAS (CO-ABILITIES) TAHAP 3
JAM KREDIT : 2

Hasil Pembelajaran (CLO)

Di akhir kursus ini, pelatih-pelatih mesti boleh:

1. Mengenalpasti komunikasi efektif dalam pekerjaan.
2. Memberi kesedaran kepentingan teknologi maklumat.
3. Mengaplikasi kemahiran kepimpinan di tempat kerja.
4. Mengaplikasi etika yang baik di tempat kerja.
5. Mengaplikasi kemahiran pentadbiran.
6. Memberi kesedaran pelaksanaan penjagaan kesihatan, keselamatan dan alam sekitar.

LATIHAN INDUSTRI

NAMA KURSUS : LATIHAN INDUSTRI
JAM KREDIT : 6

Hasil Pembelajaran (CLO)

Kursus ini merangkumi latihan industri selama 12 minggu di luar kampus samada di sektor awam, swasta, GLC atau perseorangan dalam bidang Perikanan Tangkapan. Latihan dikendalikan bersama oleh pengajar dan seorang penyelia atau pengurus di tempat latihan industri. Setelah tamat latihan, pelajar akan dinilai berdasarkan laporan yang disediakan oleh pengajar, penyelia atau pengurus industri dan laporan yang dikemukakan oleh pelajar.

Pada akhir kursus ini, pelajar akan dapat:

1. Mempamerkan pengetahuan dan kefahaman dengan kerja praktikal yang dijalankan
2. Mengenalpasti masalah, memberi cadangan dan menyelesaikan masalah
3. Menerangkan aktiviti kerja yang dilakukan dengan jelas
4. Mempamerkan kebolehan melaksanakan tugas dalam kumpulan
5. Mempamerkan kemahiran personal yang wajar di tempat latihan

3.5 PENILAIAN & PENSIJILAN

3.5.1 PERATURAN PENILAIAN

BIL	KOMPONEN	ELEMEN	WAJARAN PERATUSAN
1.	PENILAIAN KERJA KURSUS (PKK)	Penilaian Pengetahuan	21
		Penilaian Prestasi	49
		Jumlah	70
2.	PENILAIAN AKHIR (PA)	Penilaian Pengetahuan	9
		Penilaian Prestasi	21
		Jumlah	30
3.	Latihan Industri		100

3.5.2 PENGREDAN

GRED	NILAI KREDIT	JULAT MARKAH	TAHAP KETERAMPILAN
A	4.00	95.00 – 100.00	Terampil Cemerlang
A-	3.70	90.00 – 94.99	
B+	3.30	85.00 – 89.99	Terampil Baik
B	3.00	80.00 – 84.99	
B-	2.70	75.00 – 79.99	
C+	2.30	70.00 – 74.99	Terampil
C	2.00	60.00 – 69.99	
F	0.00	0 – 59.99	Belum Terampil

3.5.3 SYARAT PENSIJILAN

Pelajar layak dianugerahkan Sijil setelah disahkan **terampil** dalam semua komponen penilaian bagi:

- i. Modul Wajib
- ii. Modul Teras
- iii. Latihan Industri

4.0 DIREKTORI

4.1 PENTADBIRAN/PENGURUSAN

1. Penyelaras Program Sijil Kemahiran Malaysia
Pn. Mariam Binti Marip
mariam_marip@dof.gov.my
2. Ketua Unit Sijil Kemahiran Malaysia
En. Muhammad Hazizi bin Ismail
hazizi_ismail@dof.gov.my

4.2 PERSONEL PENTAULIAHAN

1. Pegawai Pengesah Dalaman (PPD)
Pn. Wan Nurul Shuhada binti Wan Ibrahim
wshuhada@dof.gov.my
2. Pegawai Penilai (PP)
En. Syed Aziz bin Syed Akhir
syed_aziz@dof.gov.my
3. Pegawai Penilai (PP)
En. Zahari bin Said
zahari@dof.gov.my
4. Pegawai Penilai (PP)
En. Arifin bin Salim
arifin@dof.gov.my

4.3 HAL EHWAL PELAJAR

1. Ketua Kluster Hal Ehwal Pelajar dan Pusat Sumber
En. Rizman Zulkarnaen bin Suardi
rizmanzulkarnaen@dof.gov.my

5.0 GARIS PANDUAN SAHSIAH RUPA DIRI

Semua pelajar dikehendaki berpakaian sesuai dengan amalan biasa masyarakat Malaysia dan sebagai bakal para intelek negara, pelajar perlu sentiasa mengamalkan pakaian bersih, kemas dan bersopan semasa berada di kampus. Garis panduan pakaian yang ditetapkan oleh Akademi Perikanan Malaysia adalah seperti berikut:

- i. Pelajar hendaklah patuh kepada semua arahan dan amalan pakaian yang ditetapkan oleh Akademi Perikanan Malaysia terutama di bilik kuliah, pusat sumber, makmal, kolej kediaman dan sebagainya.
- ii. Pelajar tidak boleh berselipar semasa menghadiri kuliah, majlis rasmi atau berurusan dengan mana-mana pejabat di Akademi Perikanan Malaysia.
- iii. Pelajar tidak dibenarkan memakai baju T tanpa kolar dan seluar sukan kecuali ketika riadah.
- iv. Pelajar lelaki hendaklah sentiasa berambut pendek, kemas, dan tidak berwarna.
- v. Pelajar tidak dibenarkan memakai pakaian yang mencolok mata atau menutup muka (kecuali pemakaian pelitup muka).
- vi. Pelajar tidak dibenarkan memakai seluar pendek semasa urusan rasmi di Blok Pentadbiran/ Pejabat Kluster/ Bilik MPP terutama di bilik kuliah, pusat sumber, makmal, kolej kediaman dan sebagainya.